

10/01/2003

Semangat toleransi harus dikekalkan sepanjang masa

Lee Lam Thye

BARU-BARU ini, rakyat Malaysia menyambut ketibaan tahun baru 2003. Jika ditanya apakah mesej dan azam tahun baru saya, tanpa berfikir panjang saya akan menjawab: "Untuk berusaha ke arah mempromosi keharmonian kaum dan perpaduan."

Keharmonian kaum dan perpaduan adalah dua asas utama dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia. Negara ini wujud berasaskan gabungan kepelbagaian melalui semangat kerjasama, kompromi dan persefahaman.

Perlembagaan Negara yang menjamin hak pelbagai kumpulan etnik serta Rukun Negara telah diterima dan didukung sebagai garis panduan kepada seluruh rakyat Malaysia dalam pembinaan bangsa Malaysia sejak kemerdekaan.

Kita telah merdeka selama 45 tahun. Walaupun negara ini masih tidak sempurna, kita telah melalui pelbagai ranjau dan duri dalam proses membina asas bagi mencapai keharmonian, perpaduan dan keserasian kaum serta kestabilan politik. Kejayaan ini tidak tercapai di kebanyakan negara, termasuk negara maju.

Janganlah kita hancurkan apa yang telah kita capai setakat ini melalui sifat toleransi, persefahaman dan bertolak ansur. Janganlah kita membiarkan fahaman politik yang ekstrem memecahbelahkan negara yang kita cintai. Tanah inilah tempat kelahiran kita, rumah kita, tempat kerja kita dan akhirnya tempat persemadian kita.

Rakyat Malaysia daripada pelbagai kumpulan etnik kini masih dalam suasana berhari raya. Sambutan perayaan pelbagai kaum - Deepavali, Hari Raya, Krismas dan Tahun Baru Cina - adalah acara yang mempunyai makna besar kepada seluruh rakyat Malaysia, tidak kira bangsa, keturunan mahupun agama.

Perayaan unik ini berjaya memupuk keharmonian, perasaan muhibah, keamanan dan perpaduan di kalangan rakyat.

Sambutan beramai-ramai perayaan ini dengan penuh aman dan harmoni sememangnya menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Keharmonian ini tidak dapat dirasakan di kebanyakan negara Islam lain.

Dalam ucapan beliau di Kuching, Sarawak baru-baru ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan mengasimilasikan kepelbagaian kaum, sebaliknya dasar kerajaan lebih bercorak integrasi kaum untuk memastikan kestabilan dan keharmonian yang wujud berkekalan.

Kenyataan Perdana Menteri dialu-alukan oleh rakyat Malaysia yang berkeyakinan bahawa kejayaan sesebuah negara yang berbilang bangsa dan agama seperti kita bergantung kepada integrasi pelbagai kumpulan etnik. Kepelbagaian ini mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.

Dalam melangkah ke tahun baru, marilah kita sama-sama berazam supaya dalam apa juga keadaan, tidak ada kumpulan etnik yang akan mencabar keharmonian dan perpaduan yang telah kita bina bersama.

Permintaan berbentuk ekstremis dan tidak produktif dari mana-mana kumpulan hanya akan menanam benih perbalahan dan menjanjikan bencana.

Pembinaan bangsa bukanlah suatu tugas mudah. Ia adalah proses yang panjang, dengan diselangi pelbagai cabaran dan halangan. Bagaimanapun, ia mampu dicapai dengan persefahaman, pengorbanan dan komitmen.

Jika menyorot sejarah negara, tidak dinafikan bahawa kita telah mencapai kejayaan dari segi pembangunan ekonomi, pemodenan dan teknologi maklumat.

Walaupun ekonomi dan teknologi maklumat adalah daya penggerak dan kekuatan pada era ini dan masa depan, kita tidak boleh alpa dengan

kepentingan keharmonian antara kaum dan perpaduan.

Rakyat Malaysia, tidak kira bangsa atau agama, seharusnya lebih peka terhadap peranan dan sumbangan mereka kepada perpaduan negara. Pembangunan ekonomi tidak akan bermakna tanpa persefahaman, keharmonian, kesejahteraan dan kepercayaan antara rakyat.

Program bertindak bagi rakyat Malaysia harus dijadikan usaha berterusan untuk menyemai dan memperkukuhkan perasaan cinta dan kesetiaan kepada negara serta kebanggaan menjadi rakyat Malaysia.

Cadangan untuk mengadakan Khidmat Negara adalah salah satu jentera yang dapat memperkuatkan semangat patriotisme, keharmonian kaum dan perpaduan.